



**PERSATUAN SYARIKAT PENGHANTARAN EKSPRESS MALAYSIA  
(ASSOCIATION OF MALAYSIAN EXPRESS CARRIERS)**

24 Mac 2022

**KENYATAN MEDIA BERKAITAN KENAIKAN GAJI MINIMUM RM1,500 YANG  
DIUMUMKAN KERAJAAN**

Persatuan Syarikat Penghantaran Ekspress Malaysia atau Association of Malaysian Express Carriers (AMEC) ingin merujuk kepada pengumuman kerajaan berkaitan kenaikan gaji minima kepada RM1,500 baru baru ini. AMEC menyokong langkah kenaikan gaji minima ini untuk memastikan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi (*High Income Economy*), walaubagaimapun AMEC berpendapat bahawa ianya dilakukan secara terlalu mendadak. Kenaikan yang besar sebanyak 25% ini bukan sahaja melibatkan pekerja bergaji bawah RM1,500 malah turut akan melibatkan pegawai-pegawai atasan mereka, berikutan penyelarasan semula tangga gaji yang perlu dilakukan secara keseluruhan bagi mengelakkan pertindihan tangga gaji. Ia akan memberi “Domino Effect” kepada syarikat, dan impaknya adalah lebih besar daripada yang dijangkakan.

Dengan “persaingan harga” yang sengit dalam pasaran antara pemain industri dalam dan luar negara tanpa kawal seliaan yang sistematik, adalah menjadi perkara yang mustahil untuk memastikan semua syarikat di dalam industri ini dapat bertahan lama. Setiap syarikat berlumba secara terus-menerus menurunkan harga mereka sehingga dibawah harga kos dengan harapan untuk terus hidup di dalam industri ini, tetapi dengan ketandusan modal pusingan dalaman berbanding dengan syarikat gergasi luar negara yang mempunyai kemampuan jauh lebih besar akibat sokongan syarikat gergasi dunia yang mampu menyerap semua kerugian dalam masa yang lebih panjang berbanding dengan syarikat tempatan. Hal ini akhirnya akan menyebabkan syarikat tempatan menggulung tikar kerana tidak akan mampu untuk terus menerus mengalami kerugian tahun demi tahun. Kenaikan gaji minima pula turut menambahkan lagi keparahan syarikat kurier tempatan yang pada masa sekarang mengalami kerugian demi kerugian, seterusnya akan memberi kesan langsung kepada perkerja termpatan berjumlah lebih dari 150,000 orang seluruh negara, dimana lebih 80% daripada mereka adalah terdiri daripada golongan B40. Lebih 85% daripada pekerja dalam industri ini terdiri daripada kaum Bumiputera yang berpendapatan rendah. Secara langsung

dan tidak langsung kesan terhadap saingen sengit ini akan memberi kesan negatif kepada 600,000 orang (termasuk keluarga pekerja).

AMEC menyambut baik arahan kerajaan untuk menaikkan gaji minima RM1,500 walaubagaimanapun AMEC berpendapat bahawa kerajaan juga harus memainkan peranan yang selari dalam meningkatkan kawal selian terutamanya dari segi harga minima dan pemantauan "Saingen Sihat" ("Fair Competition") agar syarikat-syarikat tempatan dapat terus bertahan dengan kekuatan fiskal untuk terus meningkatkan modal insan, pengambilan pekerja baru, imbuhan serta kebijakan pekerja. Kita juga harus sedar bahawa kelangsungan syarikat-syarikat kurier negara dapat memastikan kelangsungan hidup lebih 150,000 orang pekerja tempatan dalam jangka panjang.

**ENCIK TEONG TECK LEAN**

**PRESIDEN**

**PERSATUAN SYARIKAT PENGHANTARAN EKSPRESS MALAYSIA (AMEC)**